

**Rosmah Minta Korporat Jadikan Bantuan Kepada Yayasan IJN Program CSR
Bernama
24 November , 2011**

PETALING JAYA, 24 Nov (Bernama) -- Syarikat korporat perlu menjadikan bantuan kepada Yayasan Institut Jantung Negara (IJN) sebagai program tanggungjawab sosial (CSR) mereka, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau yang juga penaung Yayasan IJN berkata ia penting bagi yayasan itu membantu membiayai rawatan pesakit jantung kurang berkemampuan dan program penyelidikan serta ujian klinik yang dijalankan IJN.

"Yayasan IJN membuka peluang kepada sektor korporat, masyarakat dan individu untuk beramal dengan menyumbang kepada aktiviti pengumpulan dana ini.

"Walau sekecil manapun sumbangan yang dihulurkan, apa yang penting semua telah sama-sama membantu membiayai kos rawatan yang diperlukan pesakit jantung tersebut," katanya.

Rosmah berkata demikian pada Jamuan Malam Amal Yayasan IJN bertemakan "Night Of A Thousand Hearts" yang turut dihadiri Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah, isteri baginda Tuanku Zara Salim serta bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada majlis itu, Yayasan IJN menerima sumbangan RM746,460 antaranya daripada Ambank, Gamuda Berhad dan Landasan Capital.

Rosmah berkata Yayasan IJN menyalurkan bantuan berjumlah RM1.2 juta kepada 75 pesakit jantung yang kurang berkemampuan tahun lepas.

"Dulu penyakit jantung sering menyerang golongan berumur namun kini ia kerap menyerang golongan muda, malah kanak-kanak juga terdedah kepada risiko penyakit ini," katanya.

Beliau berkata kos rawatan penyakit ini terutamanya bagi kanak-kanak dan bayi amat tinggi kerana ia memerlukan rawatan dan pemerhatian rapi serta rawatan sokongan.

"Bantuan perlu diberikan kepada pesakit kurang berkemampuan untuk menampung kos itu," kata Rosmah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629671>